

**Anwar Fail Permohonan Semakan Berhubung Rayuan Pertuduhan Qazaf  
Bernama  
21 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa memfailkan permohonan semakan berhubung satu keputusan yang dibuat dalam prosiding rayuan pertuduhan qazaf yang difailkannya terhadap bekas pembantu peribadinya Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Anwar, yang juga Ketua Pembangkang, memfailkan permohonan itu di Pejabat Pendaftar di Mahkamah Syariah di sini melalui peguamnya Kamar Ainih Kamaruzaman dengan menamakan Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan Shamsuddin Hussain, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Datuk Che Mat Che Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom sebagai responden.

Permohonan itu berhubung keputusan Mahkamah Rayuan Syariah, yang menolak permohonan Kamar Ainih supaya Shamsuddin, Che Mat dan Jamil Khir memfailkan permohonan kebenaran bagi mengetepikan notis rayuan yang difailkan Anwar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak pertuduhan qazaf yang difailkan Anwar terhadap Mohd Saiful.

Pada 30 Jan lepas, panel tiga anggota mahkamah itu iaitu Hakim Datuk Zohdi Toha, Datuk Aidi Moktar dan Datuk Hussin Hasan menolak permohonan Kamar Ainih dengan alasan mereka (Shamsuddin, Che Mat dan Jamil Khir) tidak perlu membuat permohonan berkenaan kerana ia tidak relevan dan sia-sia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647050>